

Bahagian A
[30 markah]

Jawab semua soalan.

1 Apakah bidang kajian fonetik?

- A Kajian makna bunyi kata dalam sesuatu bahasa
- B Kajian fungsi bunyi dalam sistem sesuatu bahasa
- C Unit yang minimal dalam sistem bunyi sesuatu bahasa
- D Bunyi-bunyi bahasa yang dihasilkan oleh alat pertuturan manusia

2 Yang manakah benar tentang alat pertuturan aktif dan alat pertuturan pasif?

	<i>Alat pertuturan aktif</i>	<i>Alat pertuturan pasif</i>
A	Gigi bawah	Lidah
B	Bibir bawah	Lelangit keras
C	Hujung lidah	Bibir bawah
D	Tengah lidah	Daun lidah

3 Pasangan perkataan yang manakah yang kedua-duanya mengandungi konsonan letupan bersuara?

- A Bola, kari
- B Dakap, cermai
- C Bayam, sedang
- D Rentung, lempeng

4 Pernyataan berikut menepati ciri vokal **kecuali**

- A Untuk menghasilkan bunyi vokal, berlaku sekatan pada alat artikulasi.
- B Vokal terdiri daripada vokal depan, vokal tengah dan vokal belakang.
- C Pita bersuara bergetar semasa penghasilan bunyi vokal.
- D Bunyi vokal merupakan bunyi bersuara.


5

	Konsonan		Cara penghasilan udara
I	Letupan	P	Udara yang tersekat di rongga mulut dilepaskan perlahan-lahan.
II	Letusan	Q	Udara keluar melalui rongga hidung.
III	Sengauan	R	Udara yang tersekat dilepaskan serta merta.
IV	Geseran	S	Sempitan udara berlaku pada alat artikulasi

Yang manakah padanan yang betul antara jenis konsonan dengan cara penghasilannya?

	I	II	III	IV
A	R	P	Q	S
B	R	R	S	Q
C	Q	R	S	P
D	P	R	Q	S

6



Yang manakah perkataan yang mengandungi bunyi P yang digeluncurkan ke bunyi Q?

- A Laut
- B Aurat
- C Amboi
- D Haiwan

7

- Belakang lidah diangkat ke arah langit lembut tetapi tidak menyentuhnya
- Lelangit lembut diangkat rapat ke belakang tekak dan menutup rongga hidung
- Udara dikeluarkan dari paru-paru melalui rongga mulut tanpa sekatan
- Pita suara bergetar
- Bibir berada dalam keadaan bundar

Pernyataan di atas menepati ciri

- A vokal depan luas
 B vokal depan sempit
 C vokal belakang sempit
 D vokal belakang separuh sempit

8

I	• Udara dilepaskan secara perlahan • Pita suara tidak bergetar
II	• Udara dikeluarkan melalui rongga hidung • Sekatan berlaku di langit lembut

Padanan manakah yang betul bagi contoh perkataan yang mengandungi konsonan seperti dalam pernyataan I dan II di atas ?

	<i>I</i>	<i>II</i>
A	Cantik	Padang
B	Fungsi	Radang
C	Nyaring	Cakap
D	Pajak	Mulut

9

	<i>Jenis konsonan</i>		<i>Contoh perkataan</i>
I	Letupan bibir tak bersuara	P	Hanyut, nyamuk
II	Letusan lelangit keras bersuara	Q	Kolej, jagung
III	Geseran gusi tak bersuara	R	Tutup, paku
IV	Sengauan lelangit keras bersuara	S	Basah, semak

Padanan yang manakah yang betul antara jenis konsonan dengan contoh perkataannya?

	I	II	III	IV
A	P	R	Q	S
B	Q	R	P	S
C	R	Q	S	P
D	R	S	Q	P

10 Kumpulan perkataan yang manakah yang mengandungi vokal rangkap?

- A Lauk, pulau, silau
- B Sauk, muara, tiang
- C Siang, ceria, teratai
- D Konvoi, kerbau, pisau

11

- Lelangit lembut dinaikkan untuk menutup rongga hidung.
- Belakang lidah dinaikkan menghampiri lelangit lembut.
- Udara yang dikeluarkan melalui rongga mulut mengalami geseran disebabkan sempitan pada lelangit lembut.

Perkataan yang manakah yang mengandungi cara penghasilan di atas ?

- I Baligh, ghaib
 - II Zalim, ghairah
 - III Nazam, akhlak
 - IV Khemah, khidmat
- A I dan III
 - B I dan IV
 - C II dan III
 - D II dan IV

12 Perkataan berikut mengandungi digraf **kecuali**

- A Ambulans, syariat
- B Khemah, nyamuk
- C Ghaib, penganggur
- D Mahsyur, penyanyi

13

Geseran gusi bersuara + getaran gusi bersuara + geseran bibir-gigi tak bersuara
+ geseran glotis tak bersuara

Cantuman bunyi konsonan di atas terdapat pada perkataan

- A Ziarah
- B Sahsiah
- C Syariah
- D Zirafah

14 Yang manakah pasangan perkataan yang berikut mengandungi konsonan rangkap ?

- A Syukur, blok
- B Import, maghrib
- C Struktur, praktikal
- D Strawberi, Syafaat

15

P	- Berlaku sempitan udara di lelangit keras - Pita suara tidak bergetar
Q	- Udara keluar menampar-nampar hujung lidah - Pita suara bergetar

Yang manakah padanan perkataan yang mengandungi konsonan I dan II?

	P	Q
A	Firasat	Reruai
B	Syarikat	Leluhur
C	Khianat	Turutan
D	Rantaian	Masyhur

16

Syarikat permotoran dari Malaysia, Perodua telah memenangi anugerah khas juri dalam

I

II

III

rekaan kereta elektrik model terbaharu bagi tahun ini.

IV

Yang manakah padanan perkataan yang mengandungi konsonan asli dan konsonan pinjaman dalam petikan di atas?

	Konsonan pinjaman	Konsonan asli
A	I dan III	II dan IV
B	I dan IV	II dan III
C	II dan III	I dan IV
D	II dan IV	I dan III

17 Yang manakah ayat yang mengandungi diftong dan vokal rangkap?

- A Ikan di luar peti itu sudah berbau.
- B Laut agak bergelora ketika mereka berenang di pantai.
- C Pulau Som Som terletak berdekatan dengan Pantai Murni Kedah.
- D Generasi muda kini banyak menghabiskan masa dengan permainan video.

18 Transkripsi fonetik yang manakah betul bagi perkataan *pengkhianatan*?

- A [peŋ.xi.ja.na.tan]
- B [pəŋ.xi.a.nā.tan]
- C [pəŋ.xi.ja.nā.tan]
- D [pəŋ.xi.ya.nā.tan]

19 Padanan yang manakah yang betul antara perkataan dengan lambang fonetiknya dalam sebutan baku?

	Perkataan	Lambang fonetik
I	Syafaat	[ʃa.fa.ʃat]
II	Baligh	[ba.lix]
III	Khidmat	[xid.mat]
IV	Cendekia	[tʃən.de.ki.ja]

- A I dan III
- B I dan IV
- C II dan III
- D II dan IV

20

X	Pasangan minimal
Y	Variasi bebas

Padanan yang manakah yang betul antara contoh ayat X dan Y?

	X	Y
A	Ketam, Kelam	Faham, paham
B	Kerbau, kerdas	Cawan, kawan
C	Hidayah, hidayat	Lari, lali
D	Tepis, tapis	Telan, tawan

21 Perkataan yang manakah mengandungi suku kata terbuka pada suku kata praakhir?

- A Akta, cerita
- B Selisih, keluarga
- C Anggota, selekoh
- D Terompah, cenderawasih

22 Pernyataan yang manakah yang benar tentang dasar sebutan baku?

- I Sebutan kata berdasarkan sebutan lima huruf vokal dalam bahasa Melayu.
 - II Sebutan hendaklah berdasarkan intonasi suara mengikut jenis dan ragam ayat.
 - III Sebutan berdasarkan ejaan dengan setiap huruf dilafazkan mengikut nilai bunyinya
 - IV Sebutan kata hendaklah berdasarkan ejaan dan bentuk kata, sama ada bentuk kata dasar atau bentuk kata terbitan.
- A I dan II
 - B I dan III
 - C II dan IV
 - D III dan IV

23

I	II
Mayang	Kuih

Proses fonologi yang manakah yang terdapat pada perkataan I dan II?

	I	II
A	Penyisipan glotis	Penyisipan geluncuran
B	Penyengauan	Penyisipan glotis
C	Penyisipan geluncuran	Penyengauan
D	Penyengauan	Penyisipan geluncuran

24 Perkataan yang manakah yang mengalami penyisipan glotis ketika membunyikannya?

- I Dipaut
- II Diumpan
- III Keraguan
- IV Keagungan

- A I dan III
- B I dan IV
- C II dan III
- D II dan IV

25 Ayat yang manakah mengandungi perkataan yang mengalami proses penyisipan schwa?

- A Kain baharu itu akan mengecut selepas dicuci.
- B Ayah sedang mengetam kayu di belakang rumah.
- C Dia sedang mengepam bola sebelum perlawanan bermula.
- D Leman masih memandang keledak yang telah hitam kulitnya.

26

I	II
VKK+KKV+KVK	KVK+KKVK+KV+KV

Padanan perkataan yang manakah yang suku kata keduanya terdiri daripada struktur suku kata seperti dalam I dan II di atas?

	I	II
A	Influenza	Produktiviti
B	Kompleksiti	Pesimistik
C	Tribunal	Sitoplasma
D	Eksklusif	Konfrontasi

27

sebar

Pasangan perkataan yang manakah yang mempunyai ciri persamaan pola keselarasan vokal dengan perkataan di atas?

- A Tebar, lebar
- B Gebar, debar
- C Besar, besan
- D Getar, geser

28 Ayat yang manakah yang semua ejaan perkataannya menepati ejaan bahasa Melayu?

- A Wartawan itu menemubual pesakit barah di hospital.
- B Pelajar digalakkan untuk menyertai aktiviti ko-kurikulum.
- C Ahmad sering mempunyai prasangka buruk terhadap jirannya.
- D Alat tulis-alat tulis yang dibelinya itu akan digunakan dalam peperiksaan.

29 Pernyataan yang manakah yang benar tentang pola keselarasan vokal dalam sistem ejaan bahasa Melayu?

- I Keselarasan vokal hanya melibatkan kata dasar.
- II Keselarasan vokal melibatkan suku kata sebelum praakhir dan akhir tertutup.
- III Keselarasan vokal melibatkan suku kata praakhir dan suku kata akhir tertutup.
- IV Keselarasan vokal melibatkan ejaan perkataan asli bahasa Melayu dan kata pinjaman.

- A I dan II
- B I dan III
- C II dan IV
- D III dan IV

30 Ayat yang manakah yang kesemuanya menggunakan tanda baca yang betul?

- A 'Wah, cantiknya kamu hari ini, kamu hendak ke mana?' Tanya Alia kepada Salmi.
- B "Wah, cantiknya kamu hari ini. Kamu hendak ke mana!" tanya Alia kepada Salmi.
- C "Wah! Cantiknya kamu hari ini! Kamu hendak ke mana?" tanya Alia kepada Salmi.
- D "Wah, cantiknya kamu hari ini! Kamu hendak ke mana?" Tanya Alia kepada Salmi.